Penyertaan wanita dalam industri pelancongan belum memuaskan

Lima matlamat SDG fokus kesaksamaan gender

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu kesamarataan gender dalam bidang pekerjaan khususnya dalam industri pelancongan membabitkan lelaki dan wanita masih ketara, sekali gus memperlihatkan wujud kelompangan yang perlu diperbaiki.

Penyelidik di Jabatan Ekonomi dan Statistik Gunaan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi (FPE) dan Penyelidik Institut Pengajian Termaju (IAS), Universiti Malaya (UM), Rashid Ating, berkata industri pelancongan pemacu penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta menjadi antara penyumbang terbesar kerajaan menjana permintaan dan pertumbuhan pelbagai sektor lain.

Bagaimanapun, katanya penyertaan wanita dalam industri pelancongan masih tidak memberangsangkan dan memerlukan perhatian segera, terutama dalam usaha untuk memperkasakan golongan itu.

"Kebiasaannya pekerjaan yang didominasi wanita dan bergaji rendah berbanding lelaki.

"Kemahiran wanita dilihat lebih berpengaruh dalam sektor penginapan yang merangkumi perkhidmatan rumah tumpangan, perkhidmatan makanan dan minuman, membuat cenderamata dan kraf tangan, membuka gerai, menjaja, aktiviti perdagangan, memasak, membersihkan tempat awam dan bekerja di sektor perhotelan.

"Justeru, matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dijadikan rujukan untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan mampan untuk semua.

"Semua negara sudah mengesahkan rangka tindakan sejagat ini yang mana SDG menekankan lima matlamat tematik daripada 17 matlamat SDG dengan berfokuskan kepada kesaksamaan jantina dan pemerkasaan wanita dalam sektor pelancongan.

"Lima matlamat SDG yang difokuskan itu ialah tiada kemiskinan (SDG1), pendidikan berkualiti (SDG4), kesaksamaan jantina (SDG5), kerja yang baik untuk pertumbuhan ekonomi (SDG8), keadilan, keamanan serta institusi yang kukuh (SDG16)," katanya dalam kenyataannya.

Katanya, kajian juga mendapati semua negara ASEAN sedang menghadapi isu SDG1 dan SDG5 sebagai cabaran utama untuk mencapai matlamat memperkasakan ekonomi wanita dalam sektor pelancongan.

"Hanya Singapura dan Vietnam berjaya menyediakan peluang pendidikan, latihan pelancongan untuk menggalakkan kesaksamaan jantina dan pemerkasaan wanita dalam sektor ini, manakala negara ASEAN lain berusaha untuk mencapainya.

"Hanya Malaysia, Singapura dan Thailand yang berjaya memenuhi SDG1," katanya.

Keadaan sama dilihat dalam SDG8, di mana pelancongan menyediakan pekerjaan yang baik untuk wanita, tetapi semua negara ASEAN sedang berusaha untuk mencapainya.

Bagi SDG16, wanita adalah pemimpin dalam sektor pelancongan dan mewakili proses membuat keputusan yang mana semua negara ASEAN masih berusaha mencapainya.

Hadapi diskriminasi ketara

Sementara itu, siswazah dari Shandong University dalam bidang Sarjana Kajian China, Nurul Atiqah Adanan, berkata berdasarkan kajian Tinjauan Jantina ASEAN, wanita anggota etnik minoriti, tinggal di kawasan luar bandar atau miskin, berpotensi untuk menghadapi diskriminasi yang lebih ketara.

Situasi itu boleh mewujudkan halangan tambahan kepada mereka pada masa akan datang.

"Justeru, walaupun pelancongan menjana pendapatan dan faedah ekonomi untuk negara, ia mewujudkan ketidaksaksamaan jantina kerana penyertaan wanita dalam tenaga buruh masih lagi kekal rendah," katanya.

Nurul Atiqah berkata, bagi negara dunia ketiga kemiskinan berleluasa, masyarakat terutama wanita tidak mempunyai capaian dan peluang untuk mendapat pendidikan lebih baik.

"Tanggapan wanita harus tinggal di rumah dan hanya menjaga anak adalah perkara biasa, manakala di negara maju mereka mempunyai hak seperti lelaki," katanya.

> "Hanya Singapura dan Vietnam berjaya menyediakan peluang pendidikan, latihan pelancongan untuk menggalakkan kesaksamaan jantina dan pemerkasaan wanita"

Rashid Ating,
Penyelidik di Jabatan Ekonomi dan Statistik Gunaan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi UM

> "Walaupun pelancongan menjana pendapatan dan faedah ekonomi untuk negara, ia mewujudkan ketidaksaksamaan jantina kerana penyertaan wanita dalam tenaga buruh masih lagi kekal rendah"

Nurul Atiqah Adanan,
Siswazah dari Shandong University